

23 individu didakwa jadi ahli kumpulan jenayah terancang Geng 24 Hung-Hung

KUCHING: Seramai 23 individu yang dikatakan menganggotai Geng 24 Hung-Hung dan sebelum ini ditahan mengikut Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan menjadi ahli kumpulan jenayah terancang.

Tiada pengakuan direkodkan daripada kesemua tertuduh berusia antara 18 hingga 44 tahun yang didakwa secara berasingan kerana kes berkenaan berkaitan dengan kes SOSMA yang merupakan di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi.

Sehubungan itu, pihak pendakwa memohon tarikh baharu bagi memindahkan kes ke Mahkamah Tinggi.

Mahkamah kemudian menetapkan sebutan lanjut kes membabitkan kesemua tertuduh pada 22 Jun 2026 dan memerintahkan mereka ditahan di Penjara Puncak Borneo sementara menunggu prosiding seterusnya.

Berdasarkan pertuduhan, mereka didakwa menjadi ahli kumpulan jenayah terancang Geng 24 Hung-Hung antara Disember 2021 dan 20 April 2026 di Ladang Kelapa Sawit, Kampung Temaga Cina/Dayak, Sematan.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 130V(1) Kanun Keseksan yang memperuntukkan



DIDAKWA: Sebahagian tertuduh dikawal ketat oleh polis ketika dibawa ke kamar Mahkamah Sesyen Kuching bagi menghadapi pertuduhan semalam. — Gambar Chimon Upon

hukuman penjara minimum lima tahun dan maksimum 20 tahun jika sabit kesalahan.

Terdahulu, kesemua tertuduh tiba di Kompleks Mahkamah Kuching menaiki trak dan van polis sekitar jam 12.30 tengah hari dengan kawalan ketat, manakala beberapa ahli keluarga turut kelihatan berada di pekarangan mahkamah.

Mereka kemudian dibawa naik ke kamar mahkamah sekitar jam 2.15 petang sebelum prosiding bermula pada jam 2.30 petang.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya (DPP) Shafiq Kasim dan DPP Maryam Jamiel Ab Manaff di hadapan Hakim Musli Ab Hamid, Hakim Iris Awen Jon dan Hakim Noorhisham Mohd

Jaafar.

Seorang daripada tertuduh tidak diwakili peguam, sementara 14 daripada tertuduh diwakili peguam Ralph Lee, manakala yang lain masing-masing diwakili peguam Hani Iryani Bonny, Patrick Voon, Daniel Ling dan Dato Shankar Ram.

Dalam pada itu, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman Datuk M Kumar dalam kenyataan semalam berkata, seramai 23 suspek lelaki tempatan berumur antara 19 hingga 44 tahun ditahan dalam operasinya, Ops Pusak Merah, yang dilancarkan dari 19 hingga 23 April lalu.

Menurutnya, kumpulan diketuai seorang lelaki berusia 41 tahun serta aktif sejak

2020 itu dipercayai mempunyai 26 ahli terdiri daripada penjenayah berulang.

“Turut dirampas dalam operasi tersebut ialah selaras senjata api jenis pump gun, sejumlah peluru 12 bore pelbagai jenama, dua bilah pedang samurai dan dua bilah parang panjang.

“PDRM turut mengenal pasti identiti tiga lagi ahli kumpulan yang masih bebas dan usaha mengesan mereka sedang giat dijalankan,” katanya dalam kenyataan tersebut.

Tambah beliau, kesemua tangkapan mempunyai pelbagai rekod jenayah lampau termasuk kes bunuh, rompakan berkumpulan, khianat dengan api, menyebabkan cedera dan cedera parah, pecah rumah, curi dalam bangunan, curi kendaraan, memiliki barangan curi dan pengedaran dadah.

Jelas beliau lagi, kumpulan tersebut dipercayai menjalankan kegiatan pemerasan bagi mendapatkan wang perlindungan selain melakukan serangan terhadap premis yang enggan membuat bayaran.

“Kumpulan itu juga dipercayai terlibat dalam ugutan jenayah dan mencederakan individu yang tidak menurut kemahuan mereka, selain melakukan pelbagai jenayah serius bagi memperluaskan pengaruh serta memperoleh keuntungan material,” katanya.